



**UNIT PERANCANG EKONOMI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

## **KENYATAAN MEDIA**

### **PROJEK INFRASTRUKTUR BERI IMPAK BESAR KEPADA EKONOMI**

Sejak ditubuhkan pada tahun 2009, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) memainkan peranan penting dalam merancang pembangunan untuk Kelantan. Beberapa projek berimpak tinggi telah dirancang khususnya untuk meningkatkan kesalinghubungan antara Kelantan dengan seluruh negara.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKE-12), beberapa projek telah dirancang melalui ECERDC bagi membangunkan negeri ini. Di antaranya, pembinaan Jambatan Palekbang – Kota Bharu, pembangunan semula Kampung Laut dan pembangunan bersepadu di kawasan Tok Bali.

Jambatan Palekbang – Kota Bharu yang melibatkan kos sebanyak RM250 juta itu kini dalam proses reka bentuk dan kerja pengukuran tanah telah bermula pada 12 September 2020. Pelantikan kontraktor dijangka pada suku kedua 2021. Projek ini dijangka siap pada penghujung November 2023. Sebanyak RM25 juta diperuntukan untuk projek ini bagi tahun 2021.

Jambatan ini bertujuan menyuraikan trafik di Jambatan Sultan Yahya Petra dan Bandar Kota Bharu selain menjadi jalan alternatif menghubungkan jajahan Tumpat dan Kota Bharu.

Ia akan menjadi pemangkin kepada pembangunan kawasan baharu terutama di Jajahan Tumpat serta perluasan pusat perniagaan Kota Bharu. Apabila siap kelak, jambatan ini akan menjadi jambatan keempat yang merentasi Sungai Kelantan dari Kota Bharu.

Pembinaan Jambatan Palekbang – Kota Bharu akan menjadi pemangkin kepada pembangunan semula Kampung Laut. Pembangunan Kampung Warisan yang berkONSEPkan ‘muzium hidup’ atau *living museum* itu melibatkan pembinaan dua kompleks komersial iaitu Laman Warisan dan Laman Seni yang bukan sahaja dibangunkan untuk tarikan pelancong tetapi turut memberi peluang kepada pengusaha perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan untuk menjual makanan tradisional dan kraftangan tempatan. Fasa 1 projek yang melibatkan kos

sebanyak RM40 juta kini telah siap 73 peratus dan dijangka siap sepenuhnya pada Mei 2021. Fasa 2 dijangka siap pada Januari 2022.

Antara komponen utama dalam projek ini adalah pemindahan semula Masjid Kampung Laut yang berusia kira-kira 300 tahun. Ini adalah sebahagian daripada usaha untuk mengekalkan nilai-nilai sejarah, budaya dan seni bina masjid tersebut dan menjadikannya sebuah mercu tanda warisan di Kelantan.

ECERDC juga sedang membangunkan kawasan Tok Bali kerana kedudukannya yang strategik bagi menyokong aktiviti penerokaan minyak dan gas di luar pesisir pantai Semenanjung Malaysia dan Thailand.

Lokasinya yang strategik membolehkan Pangkalan Bekalan Tok Bali (TBSB) sebagai pusat sehenti bekalan minyak, gas dan perkhidmatan untuk syarikat-syarikat minyak dan gas, serta syarikat perkhidmatan sokongan yang beroperasi di Laut China Selatan. Ia berpotensi menjadi koridor ekonomi baharu yang boleh memberi impak besar kepada pembangunan Kelantan.

Sebanyak RM243 juta telah dilaburkan oleh pihak swasta untuk pembangunan pangkalan ini. Sehingga kini terdapat empat buah pengendali Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) dan 90 syarikat telah beroperasi di TBSB.

Sebuah jawatankuasa khas yang diterajui oleh ECERDC dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Kerajaan Negeri Kelantan akan ditubuhkan untuk memantapkan pembangunan di Tok Bali.

**DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED**  
**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)**  
**3 Januari 2021**